# Progaram Santai-santai KelPen 2024



**Labuan, 21 Januari 2024 –** Kelab Pendidikan (KelPen), Jabatan Pendidikan WP Labuan telah menganjurkan Santai-santai KelPen Labuan pagi tadi bertempat di Pantai Rekreasi Kampung Sungai Lada.

Aktiviti Senamrobik beramai-ramai mendahului aktiviti lain yang diketuai oleh Cikgu Norhayati, Encik Ismail, Cikgu Murni dan Puan Julynah. Acara sukanika kanak-kanak turut diadakan. Antaranya memasukkan air dalam botol dan memancing botol.

Manakala acara dewasa pula ialah meniup belon, memecahkan belon dan bowling kelapa.
Seramai 70 orang staf jabatan bersama ahli keluarga hadir dalam majlis ini. Santai-santai KelPen merupakan cetusan idea Tuan Pengarah Ybrs Tn Hj Abidin Marjan semasa perjumpaan pertama ahli kelab pada 11 Januari 2024 yang

lalu yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan warga jabatan serta menyatu dan meningkatkan kerjasama antara warga JPWPL.

Aktiviti ini turut disertai oleh Tuan Pengarah JPWPL Ybrs Hj Abidin Marjan, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran Encik Yahya Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid Encik Awg Marten Datuk Hj Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Encik Sawal Hj Salleh, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Perancangan Puan Noraini Hj Sahbudin. Ketua- ketua Penolong Pengarah dan warga jabatan.

**Berita Oleh : Kelab Pendidikan JPWPL**




YOKOHAMA




Abu Garcia
Abu Garcia












XPANDER











